

13 JUL 1998

Parlimen-Tempat

DAIM DI BARISAN DEPAN, BEKAS ANGGOTA DAP UBAH TEMPAT DALAM DEWAN

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Anggota Parlimen DAP kawasan Seputeh Liew Ah Kim, yang digantung daripada parti selama sebulan hari ini meminta tempat duduknya dalam Dewan Rakyat diubah.

Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail berkata Liew telah memberitahunya bahawa beliau membuat permintaan itu kerana digantung selama sebulan daripada jawatannya dalam parti itu.

"Saya sudah ubah tempat duduknya ke barisan belakang," kata Zahir di sini.

Liew yang sebelum ini duduk di barisan ketiga di bahagian F iaitu kawasan pembangkang bersama-sama anggota Parlimen DAP yang lain, PBS dan PAS, kini berpindah ke barisan belakang sekali.

Beliau kini ditempatkan dengan anggota parlimen PAS yang baru memenangi kerusi Arau daripada Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya kecil 4 Julai lepas, Hashim Jasin.

Sementara itu, Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin yang baru dilantik ke jawatannya ditempatkan di barisan depan bahagian A, iaitu tempat duduk menteri sebaris dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Daim yang juga anggota Parlimen Merbok kini ditempatkan bersebelahan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie.

Beliau sebelum ini duduk di bahagian C dengan anggota Parlimen BN lain, sebaris dengan antara lain Tun Abdul Ghafar Baba (BN-Jasin), Datuk Salleh Said (BN-Kota Belud), Tengku Razaleigh Hamzah (BN-Gua Musang) dan Tan Sri Abdul Taib Mahmud (BN-Kota Samarahan).

Seorang lagi Menteri yang baru, Senator Tan Sri Kasitah Gaddam ditempatkan di barisan belakang bahagian A setelah dilantik menjadi Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi baru-baru ini.

Beliau ditempatkan sebaris dengan antaranya Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed.

Tempat duduk anggota Parlimen di dalam Dewan Rakyat yang memulakan mesyuarat kedua bagi penggal keempat hari ini, dibahagikan kepada enam bahagian iaitu A,B,C,D,E, dan F.

Seseorang anggota Parlimen ditempatkan di bahagian-bahagian A hingga E mengikut jawatan kerajaan mereka seperti menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen atau anggota Parlimen biasa manakala bahagian tempat duduk F dikhaskan bagi anggota parti pembangkang atau bebas.

--BERNAMA

RAZ PR